

BH (Ekonomi) 30/12/19 Ralru ms19

Perodua mampu keluar 4,000 unit Alza sebulan

Pembeli dijangka terima tempahan tempoh kurang 4 bulan

Oleh Asrol Awang
bhbiz@bharian.com.my

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) akan meningkatkan pengeluaran Alza kepada 4,000 unit sebulan bermula bulan depan bagi memastikan pembeli menerima kenderaan pelbagai guna (MPV) keluarannya itu kurang daripada tempoh empat bulan selepas membuat tempahan.

Pengarah Urusannya, Datuk Syed Abdull Hafiz Syed Abu Bakar berkata, Alza mendapat sambutan begitu menggalakkan yang mana sejak ia dilancarkan pada 13 November lalu, Perodua telah menerima 15,000 tempahan bagi MPV itu.

Beliau berkata, ketika ini 2,000 unit MPV itu sudah berada di jalan raya seluruh negara dan jumlah itu dijangka meningkat apabila jumlah pengeluaran ditingkatkan kepada 4,000 unit sebulan bermula Januari ini daripada 3,500 unit sebulan sekarang.



HILMEY (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Rozuan (kiri) mengenai robot disumbangkan Perodua kepada UMP pada majlis di Kuantan, semalam. Turut sama, Syed Abdull Hafiz (dua dari kanan) dan Daing Nasir.

“Dengan penambahan jumlah pengeluaran itu, kami memberi jaminan mereka yang menempah Alza akan menerimaanya kurang daripada empat bulan.

“Setakat ini, kami sudah menerima 15,000 tempahan, sekali gus membuktikan Alza yang dikategorikan sebagai kereta dan juga MPV

mendapat sambutan begitu menggalakkan,” katanya pada sidang media di Kuantan, semalam.

Syed Abdull Hafiz berkata demikian pada majlis penyerahan 13 robot industri bernilai RM2.6 juta milik Perodua kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi kegunaan penyelidikan dan

pembelajaran.

Hadir sama, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Hilmy Mohd Taib; Pengurus Besar Produk Engineering Perodua, Rozuan Che Pa dan Naib Canselor UMP, Professor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Katanya, pihaknya menjangkakan jualan Alza akan meningkat lagi tahun depan kerana MPV itu memenuhi cita rasa rakyat negara ini serta direka bentuk bagi memenuhi keperluan pengangkutan keluarga.

Beliau menegaskan berdasarkan sambutan begitu menggalakkan terhadap Alza, Perodua yakin jualan keretanya tidak akan terjejas walaupun apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dilaksanakan Januari tahun depan.

Selain itu, katanya, kereta Perodua kini adalah lebih berdaya saing kerana dibina menggunakan 80 sehingga 90 peratus bahan tempatan.